

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 26 OKT 2017

RUJUKAN : 10271

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah program-program dan aktiviti-aktiviti awam dan Kerajaan yang terpaksa dibatalkan akibat ancaman keselamatan daripada militan-militan ISIS. Berapakah anggota-anggota keselamatan sedia ada dan penambahan anggota-anggota keselamatan yang telah dikerahkan oleh Kerajaan untuk menangani ancaman keselamatan awam daripada militan-militan ISIS ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan jumlah program atau aktiviti awam yang terpaksa dibatalkan kesan daripada ancaman keselamatan oleh kumpulan pengganas Daesh mahupun jumlah anggota keselamatan yang telah dikerahkan untuk menangani ancaman kumpulan militan berkenaan. PDRM telah menjalankan tugas dengan sangat baik bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Kerajaan amat tegas di dalam memastikan keselamatan rakyat adalah terjamin.